

Kursus "Video In Libraries" 9–13 Ogos 1985 Di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

oleh

Tunku Noraidah*

Kursus empat hari ini telah dianjurkan oleh Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia. Seorang pensyarah kanan dalam bidang teknologi media dari College of Librarianship Wales, Encik Anthony Thompson telah diundang untuk mengendalikan kursus ini.

Pensyarah tersebut telah memperkenalkan subjek video di perpustakaan dengan menekankan bagaimana pentingnya video sebagai sumber maklumat. Dengan menggunakan pita slaid, ia telah menerangkan dengan jelas perkembangan-perkembangan peralatan serta perkhidmatan rujukan dan pinjaman bahan video arena antarabangsa. Penerangan yang sistematik juga diberikan mengenai cara-cara mengadakan dan mengendalikan perkhidmatan video di perpustakaan-perpustakaan seperti kriteria-kriteria bagi memilih alat-alat video, bentuk karel dan sebagainya.

Satu daripada tajuk yang diliputi oleh kursus ini ialah "Copyright Implications for Video Libraries" telah dijadikan tajuk sebuah forum. Forum ini dibuka kepada semua ahli PPM. Empat orang penceramah yang pakar telah diundang. Mereka terdiri daripada Tuan Haji Shamsuddin bin Marsop, Encik Kassim Cha Tong, Encik Anthony H. Thompson dan Yang Berbahagia Dato V.L. Kandan. Tajuk-tajuk ceramah yang dibincangkan ialah "Legislative provisions/regulations for copyright protection for video production/industry

try in Malaysia", "Problems of copyright protection for video productions", "Video as an information resource-copyright implications for libraries in United Kingdom" dan "Infringement of video copyright and the law".

Peserta-peserta kursus telah diajar teknik-teknik pengeluaran rancangan video. Sebagai latihan praktik, peserta-peserta dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil dan diminta menyediakan satu rancangan video yang berkaitan dengan perpustakaan seperti penyebaran maklumat kepada pengguna perpustakaan, latihan kakitangan, perhubungan awam dan sebagainya.

Dalam menyediakan rancangan ini, beberapa langkah terpaksa diikuti oleh tiap kumpulan seperti memastikan tujuan rancangan, kumpulan yang akan menonton rancangan tersebut dan prosedur dalam profileman iaitu 'story boarding' atau melukis tiap 'sequence' yang akan difilemkan. Kami telah berpeluang menggunakan kamera video yang baru sahaja terdapat dalam pasaran.

Melalui kursus ini, saya dapat mengetahui dengan lebih mendalam aspek-aspek video terutama sekali bagi mengadakan dan mengendalikan perkhidmatan video serta juga menyediakan rancangan-rancangan video untuk pendidikan anggota-anggota Perpustakaan ini.

* Ketua, Bahagian Perkhidmatan Pembaca, Universiti Malaya.